

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATUK PROF. DR. SIM KUI HIAN**

**TARIKH : 16 JUN 2016 (KHAMIS)**

**SOALAN : 59**

**Datuk Prof. Dr. Sim Kui Hian** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan jumlah peruntukan yang telah dan akan digunakan bagi tujuan pemasangan dan menaik taraf kemudahan jalur lebar di Sarawak bagi tahun 2015 hingga 2020 dan kadar peratusan penembusan jalur lebar di setiap negeri pada ketika ini.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan untuk pemasangan dan menaik taraf kemudahan jalur lebar di negeri Sarawak sehingga tahun 2015 adalah sebanyak RM1,057.4 juta.

Manakala, jumlah peruntukan yang akan digunakan bagi tujuan yang sama di negeri Sarawak dalam tahun 2016 hingga tahun 2020 adalah dianggarkan sebanyak RM532.4 juta.

**SOALAN NO: 59**

Jumlah peruntukan yang dinyatakan adalah bagi membiayai pelbagai projek menaik taraf kemudahan jalur lebar di negeri Sarawak seperti projek Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi Fasa 1 dan 2 (High Speed Broadband - HSBB), Jalur Lebar Pinggir Bandar (Sub Urban Broadband - SUBB), Jalur Lebar Luar Bandar (Rural Broadband - RBB), penyediaan rangkaian fiber, pembinaan menara telekomunikasi untuk penaiktarafan perkhidmatan 3G dan 4G-LTE serta pelaksanaan Pusat Internet 1Malaysia (PI1M).

Kadar peratusan penembusan jalur lebar di setiap negeri pada ketika ini adalah seperti jadual berikut :

<b>Bil</b>	<b>Negeri</b>	<b>Kadar Penembusan Jalur Lebar per 100 Isi Rumah (%)</b>
1	Perlis	61.6
2	Kedah	57.5
3	Pulau Pinang	86.0
4	Perak	65.6
5	Selangor	98.5
6	Negeri Sembilan	73.0
7	Melaka	74.1
8	Johor	80.6
9	Pahang	60.9
10	Terengganu	63.9
11	Kelantan	54.3
12	Sabah	48.3
13	Sarawak	56.6
14	Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	99.9
15	Wilayah Persekutuan Putrajaya	61.2
16	Wilayah Persekutuan Labuan	51.7
	Jumlah	77.3%